

Aktif projek pulihara alam sekitar

BH ms 12 12/09/2019



Bjosh (kiri) mengharumkan nama negara dengan menghasilkan inovasi tapis pencemaran udara tanpa kuasa.



Bhosh hasilkan inovasi tapis pencemaran udara tanpa guna bekalan kuasa

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com

Bangi: Membawa nama negara ke peringkat dunia melalui pencapaian sebagai pelajar adalah impian Bhoshaga Mitrran Ravi Chandran, 20, sejak kecil.

Tidak hairanlah, pelajar jurusan Kejuruteraan Awam, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) itu tidak pernah menoleh ke belakang dengan setiap apa yang dilakukan termasuklah memastikan dirinya sentiasa memperoleh keputusan cemerlang sejak di bangku sekolah.

Mesra dengan panggilan Bhosh, anak kelahiran Sungai Petani itu, baru-baru ini, berjaya memenuhi impiannya untuk mengharumkan nama Malaysia apabila menjadi pelajar pertama negara yang memenangi tempat kedua pada pertandingan *Speak Out for Engineering (SOFE) Global Finals 2019* anjuran The Institution of Mechanical Engineers (IMEchE) di New Delhi, India.

Melalui pembentangan *The Smog Free Twister*, beliau menampilkan inovasi pertama di dunia yang menapis dan membersihkan pencemaran udara

kuasa.

Bhosh mengakui kemenangan tempat kedua itu adalah pencapaian terbaiknya memandangkan semua peserta akhir datang dari seluruh pelusuk dunia.

Beliau berkata, pengalaman melayakkan diri ke peringkat akhir begitu mendebarkan kerana mereka yang bertanding terdiri daripada pelajar pascasiswazah dan ada yang sudah bekerja serta mendapat ijazah doktor falsafah dalam bidang kejuruteraan.

"Saya bersyukur dan berterima kasih kepada semua pihak yang memberi sokongan padu dalam merealisasikan projek ini.

"Saya juga berbesar hati dan bangga kerana dapat membawa nama Malaysia di persada antarabangsa," katanya yang kini menjalani latihan dalam Keusahawanan Sosial dan Pembangunan anjuran Inisiatif Pemimpin Muda Asia Tenggara (YSEALI) di Amerika Syarikat selama sebulan.

Pelajar tajaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu juga aktif sebagai pengarah projek dan pengasas *Project Newpaper* yang telah mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records (MBOR)* untuk kategori beg kertas paling banyak dibuat daripada surat khabar lama di The Mines, Seri Kembangan, Disember tahun lalu.

Beliau berkata, projek membatik 300 sukarelawan UNITEN itu bertujuan memerangi pencemaran plastik dengan menghasilkan 21,505 beg kertas daripada surat khabar lama.

"Tidak dapat saya ungkapkan

PROFIL

BHOSHAGA MITRRAN RAVI CHANDRAN

- Nama panggilan: Bhosh
- Tarikh lahir: 30 Jun 1999
- Tempat lahir: Sungai Petani, Kedah
- Jurusan: Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, UNITEN.
- Pencapaian:
 - > SPM 10A+ 2016 (Pelajar Terbaik Selangor)
 - > Pengarah projek dan pengasas Project Newpaper, Disember 2018
 - > Pemenang tempat kedua pada Beijing Debate Open (mewakili Malaysia) di Beijing, China, Februari lalu
 - > Pengarah projek IMechE Leadership Conference 2019
 - > Wakil delegasi untuk Asia World Model United Nations yang akan berlangsung di Bali, Indonesia, November ini

kongkan padu daripada rakan-rakan universiti.

"Apa yang penting, projek alam sekitar ini adalah untuk menjaga kebersihan alam demi generasi masa depan, selain menyelamatkan bumi daripada terus dimamah pencemaran akibat kelalaian insan yang bersikap pentingkan diri," katanya yang juga pengasas bersama projek *Carbon Tree*, projek yang menggalakkan masyarakat Ma-